

Lengkapkan karangan biografi di bawah ini.

menubuhkan tabung

cahaya pelita sahaja

kadar bayaran yang murah

bangga akan pencapaian beliau

belajar dengan lebih tekun

usaha dan kerajinan

tidak mempunyai bekalan elektrik

membuka sebuah klinik

anak yang pintar

tidak meninggi diri

Doktor Farihan dilahirkan di sebuah kampung Pendang Kedah, 33 tahun yang lalu. Beliau merupakan anak sulung daripada enam orang adik-beradik. Baba beliau pesawah. Kehidupan mereka agak susah ketika itu.

Sejak kecil, Doktor Farihan telah menunjukkan bahawa beliau ialah (1)_____. Beliau sanggup berjalan kaki sejauh empat kilometer untuk ke sekolah. Oleh sebab rumah beliau (2)_____, Doktor Farihan belajar dengan diterangi oleh (3)_____.

Berkat (4)_____ beliau, akhirnya beliau dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Penduduk kampung (5)_____. Oleh hal yang demikian, mereka mahu (6)_____ untuk membiayai pengajiannya.

Kejayaan beliau sebagai doktor menjadi kebanggaan orang kampung. Doktor Farihan (7)_____ atas kejayaannya. Malah, beliau mendorong anak-anak kampungnya supaya (8)_____.

Untuk membalas budi penduduk Kampung Kuala Ibai, Doktor Farihan telah (9)_____ di kampungnya. Mereka mendapat khidmat daripada Doktor Farihan dengan (10)_____.

Kesungguhan Doktor Farihan patut dijadikan contoh. Memang benar kata pepatah, "kalau tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya".